

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 9 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1422-MQT0485
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) di dalam membantu rakyat Malaysia yang terbabit di dalam kes-kes penipuan seperti pakej pelancongan.

2. PR-1422-MQT0486
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional Kerajaan berhasrat untuk mengambil alih pengendalian 4 lebuh raya iaitu KESAS, LDP, SPRINT dan Terowong SMART milik Gamuda Berhad dengan tawaran RM6.2 bilion:-
 - (a) bagaimana pembayaran dibuat dan daripada mana sumber dana diperolehi; dan
 - (b) mengapa caj kesesakan (*congestion charge*) diperkenalkan bagi menggantikan tol dan apa pula kebaikan yang dinikmati oleh rakyat..

3. PR-1422-MQT0494
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
 - (a) status terkini projek penaiktarafan Landasan Kereta Api KVDT bagi kedua-dua Fasa 1 dan 2 serta kos perbelanjaan terkini yang terlibat bagi kedua-dua fasa; dan
 - (b) usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani cabaran di mana mutu atau kualiti perkhidmatan KTMB Komuter dan ETS bakal terjejas apabila projek KVDT berjalan

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 9 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 26

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1422-L05705
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kewajaran dasar penyatuan tanah untuk sektor padi, menyentuh perkara-perkara berikut:-
 - (a) model penyatuan tanah yang akan digunapakai dan agensi yang terajui inisiatif penyatuan tanah ini; dan
 - (b) jaminan terhadap kepentingan tuan tanah, pesawah dan Kerajaan dalam pelaksanaan langkah penyatuan tanah itu nanti.

2. PR-1422-L04819
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah baharu untuk meningkatkan kebajikan bekas perajurit khususnya perajurit yang tidak berpencen.

3. PR-1422-L04525
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah penerima "*food bank*" sejak ianya dilancarkan dan apakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah baik program tersebut agar tidak ada pelajar yang tercicir sebagai penerima.

4. PR-1422-L05265
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah segera yang telah dilakukan oleh jawatankuasa petugas khas yang diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan disertai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar serta tujuh agensi penguatkuasaan bagi mengekang masalah pencerobohan nelayan asing daripada terus berlaku.
5. PR-1422-L04548
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah permohonan yang telah diterima dan diluluskan, mengikut pecahan negeri, untuk program "*Readiness Assessment*" (RA) di bawah Pelan Industri 4.0, dan apakah hasil penilaian program RA setakat ini.
6. PR-1422-L05719
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah keputusan Kementerian terhadap pengurusan sisa buangan daripada kilang memproses nadir bumi, Lynas Corp apabila Kerajaan bersetuju untuk membenarkan kilang tersebut untuk memperbaharui lesen dan terus beroperasi di negara ini.
7. PR-1422-L04951
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah aktiviti perjudian mesin kuda, "*online gambling*" dan 4D haram yang dikatakan telah dibendung melalui operasi-operasi di seluruh negara kini telah menular semula dan apakah tindakan yang akan terus diambil untuk membanteras aktiviti perjudian mesin kuda, "*online gambling*" dan 4D haram memandangkan kegiatan tersebut telah mula menapak untuk berleluasa semula terutama di Sibul.
8. PR-1422-L04418
Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah sekolah menengah dan rendah bakal dicantum di Sarawak, apa persediaan awal di buat supaya pelajar tidak terperangkap oleh situasi nanti, dan bila percantuman ini diagak selesai. Selain dari surat pekeliling kepada sekolah-sekolah, adakah perbincangan-perbincangan dibuat dengan masyarakat setempat berhubung perkara ini.

9. PR-1422-L05011
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan tentang Meter Pintar TNB:-
- (a) adakah pembeliannya dibuat secara rundingan terus atau tender terbuka; dan
 - (b) adakah kos penukarannya ditanggung pelanggan TNB atau oleh TNB.
10. PR-1422-L04958
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kementerian melihat jumlah kes penceraian di kalangan pasangan muda atau baru berkahwin berada di tahap yang membimbangkan dan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.
11. PR-1422-L04343
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan rapi untuk mengelakkan sempadan negara daripada dimasuki secara tidak sah oleh pihak warga asing dan nyatakan langkah-langkah yang diambil itu jika ada, khususnya di Sabah.
12. PR-1422-L05021
Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha Kementerian untuk memasarkan durian besar-besaran secara sistematik sekaligus meningkatkan lagi keupayaan pengeluaran durian bagi menampung permintaan dari China.
13. PR-1422-L04512
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan penjelasan terhadap perkembangan dasar baharu yang akan dihasilkan oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara untuk menangani masalah kos sara hidup rakyat.
14. PR-1422-L04909
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah jaminan pihak Kementerian bagi memastikan para pelajar di sekolah mendapat akses kepada bantuan pengurusan emosi dan mental bagi membantu masalah kebimbangan melampau (Anxiety Disorders) di kalangan pelajar.

15. PR-1422-L04643
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian berminat untuk menambahkan peruntukan kepada Persatuan Pencinta Alam (MNS) untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan, konservasi dan penerbitan jurnal pencinta alam (MNJ) dengan terlebih baik lagi.
16. PR-1422-L04411
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat dasar baharu yang membenarkan pasangan warganegara asing kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan taraf penduduk tetap atas kepakaran dari segi intelektual dan kemahiran yang mereka miliki seperti saintis, kaunselor terlatih dan sebagainya supaya mereka dapat berkhidmat di negara ini.
17. PR-1422-L04690
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan dan rancangan Kementerian untuk mengkaji semula silibus Sejarah untuk memberikan lebih pengiktirafan kepada sejarah Sabah dan Sarawak dalam pembentukan Malaysia untuk mengeratkan lebih hubungan antara semua wilayah di Malaysia.
18. PR-1422-L04545
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian memantau serta membuat kajian terhadap kebajikan serta kesihatan banduan di penjara seluruh negara khususnya berkaitan rawatan kepada banduan di dalam wad penjara serta adakah ubat-ubatan dan makanan yang disediakan kepada banduan mengikut piawaian antarabangsa.
19. PR-1422-L05420
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) statistik-statistik terbahagi yang jelas untuk tahap pelaksanaan lima inisiatif dan sembilan intervensi bagi mengurangkan beban tugas guru yang telah dilaksanakan sejak Januari 2019; dan
 - (b) peratus keseluruhan pengurangan beban tugas guru yang sudah dicapai selama lima bulan pelaksanaan inisiatif dan intervensi.

20. PR-1422-L05245
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah Kerajaan dalam menangani aduan rakyat berkenaan isu kenaikan tarif elektrik TNB.
21. PR-1422-L05143
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan peminjam PTPTN terkini mengikut kaum dan jumlah pinjaman yang dibelanjakan PTPTN sehingga kini serta nyatakan langkah Kementerian bagi mengutip semula pinjaman PTPTN ini secara berkesan dan tindakan kepada peminjam PTPTN yang gagal membuat bayaran pinjaman mereka.
22. PR-1422-L05504
Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perkembangan terkini proses meratifikasi *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)* serta apakah jaminan Kerajaan terhadap keseimbangan dan kesejahteraan ekonomi rakyat hasil meratifikasi perjanjian ini.
23. PR-1422-L04831
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha terkini Kementerian menaik taraf infrastruktur internet dan telekomunikasi di negeri Sabah dan Sarawak.
24. PR-1422-L04660
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratuskah jumlah keciciran di dalam persekolahan di kalangan anak-anak masyarakat Orang Asli khususnya melibatkan sekolah rendah, menengah serta Institusi Pengajian Tinggi.
25. PR-1422-L05044
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan tidak memberikan kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang di bawah Perenggan 1(e) Bahagian II Jadual Kedua Perkara 14(1)(a) Perlembagaan Persekutuan kepada seorang anak kelahiran dalam Persekutuan kepada seorang ibu warga asing dengan seorang bapa warga Malaysia setelah disahkan anak tersebut tidak menjadi warganegara kepada mana-mana negara lain semasa kelahirannya.

26. PR-1422-L04705
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kriteria cara pemilihan syarikat-syarikat yang layak untuk diaudit oleh *General Administration of Customs of the People's Republic of China* (GACC) bagi memasarkan durian Malaysia ke China.
27. PR-1422-L05669
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mengapakah Kementerian tidak mensyaratkan kepada Maxis untuk menyediakan infra sendiri malahan diberi ruang untuk menyewa infra TM Unifi dalam kadar yang terlalu rendah berbanding harga yang ditawarkan kepada pengguna. Adakah adil untuk TM Unifi menanggung kos pembinaan infra tersebut dan kadar sewaanannya tidak mampu menampung kos pembinaan dalam suatu masa yang berpatutan.
28. PR-1422-L04622
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah penambahbaikan terbaharu dalam mengukuhkan peranan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) khasnya dari aspek pemilihan Naib-naib Canselor dan Timbalan-timbalan Naib Canselor di Universiti Awam (UA).
29. PR-1422-L05096
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan menilai semula kesesuaian lokasi Pangkalan TUDM seperti di Subang, Kuching, Labuan, Kuantan dan Alor Setar yang berisiko diserang oleh anasir tidak diingini kerana terletak berhampiran dengan lapangan terbang awam seperti yang berlaku di Sri Lanka pada tahun 2001 selain terdedah kepada pengintipan oleh pihak asing.
30. PR-1422-L04637
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk mengembalikan semula mekanisme bayaran dan sistem rebat bagi kutipan hutang PTPTN sebagaimana yang diperkenalkan Kerajaan Barisan Nasional bagi sebelum ini bagi menggalakkan peminjam PTPTN membayar semula hutang berikutan jumlah kutipan hutang PTPTN semakin menurun selepas pentadbiran Pakatan Harapan.

31. PR-1422-L05186

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-

- (a) usaha Kementerian memantau setiap fasa pelaksanaan program "*food bank*" seperti yang dijalankan di Perancis (iaitu fasa pelaksanaan pendermaan makanan, penyeragaman kualiti makanan dan penyенераaian makanan yang diderma); dan
- (b) sama ada "*Good Samaritan Laws*" akan dikuatkuasakan menerusi ketiga-tiga fasa ini.

32. PR-1422-L05338

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan dan usaha bagi menyiarkan lebih banyak dokumentari tempatan berkaitan budaya dan adat serta amalan masyarakat kaum Melayu dan Islam yang merupakan penduduk majoriti di negara ini.

33. PR-1422-L04624

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah ketetapan Kementerian mengenai kemasukan (import) bahan buangan terjadual (*scrap metal*) dan *e-waste* daripada luar negara yang mana pemprosesan bahan buangan tersebut berkemungkinan mencemarkan alam sekitar.

34. PR-1422-L05490

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah pendapatan yang diperoleh oleh ULTRA KINRARA SDN. BHD. melalui "*One Stop Centre*"nya di China untuk perkhidmatan visa lawatan sosial ke Malaysia dari tahun 2015-2018; dan
- (b) mengapa perkhidmatan syarikat ini tidak ditamatkan selepas Pakatan Harapan mengambil alih tampuk kepimpinan Kerajaan Pusat.

35. PR-1422-L05463
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah terkini yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan terhadap Pusat Kualiti Alam di Sendayan, dengan mengambil kira pembangunan di sekitar kawasannya. Apakah benar sisa toksid/ sisa yang merbahaya daripada Sungai Kim Kim, Johor dan Lynas, Pahang akan dilupuskan di Kualiti Ala mini.
36. PR-1422-L04729
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah 4 suspek yang ditahan di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan dalam kes Adib masih berada di dalam negara.
37. PR-1422-L05598
Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan untuk mengkaji semula harga lantai dan harga siling belian padi seluruh Malaysia.
38. PR-1422-L05278
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan faktor dan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani kemelesetan prestasi perdagangan pada Suku Pertama 2019.
39. PR-1422-L04425
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa bilangan Persatuan Nelayan Negeri di seluruh negara yang telah ditubuhkan demi untuk merealisasikan perikanan sebagai sumber penting ekonomi negara.
40. PR-1422-L04988
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah rancangan jangka panjang untuk menangani masalah kekurangan penjanaan kuasa di pantai timur Sabah, yang kini mempunyai margin simpanan sebanyak -33%.
41. PR-1422-L05332
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan penempatan ke IPTA untuk pelajar STPM tidak akan terjejas pada kemasukan sesi akademik tahun 2020 memandangkan sebanyak 15,000 tempat tambahan telah ditawarkan di pusat matrikulasi.

42. PR-1422-L04743

Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kanak-kanak yang dilahirkan tanpa kewarganegaraan Malaysia, apakah rancangan pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah yang semakin mencabar ini.

43. PR-1422-L05499

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

(a) apakah dasar Kementerian kepada syarikat-syarikat telekomunikasi dalam melaksanakan strategi penguatkuasaan bagi mengsisifarkan jenayah siber dalam semua kategori yang semakin membimbangkan di negara kita; dan

(b) apakah usaha yang telah dan akan dilaksanakan Kementerian dalam menjamin Jaringan Komunikasi Atas Talian Negara tidak dapat diceroboh dan digodam supaya rakyat Malaysia dapat melakukan sebarang urusan harian atas talian dengan selamat.

44. PR-1422-L05610

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah program NKEA di bawah syarikat peneraju akan diteruskan selepas akan tamat pada tahun 2020.

45. PR-1422-L04933

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji kaedah-kaedah lain yang difikirkan bersesuaian selain daripada memusnahkan kapal nelayan sebagai hukuman untuk nelayan-nelayan asing yang mencerooboh perairan negara.

46. PR-1422-L05103

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan dan usaha Kementerian menambah Kemudahan Kelas Aliran Agama (KAA) harian untuk Tingkatan 1-3 di semua sekolah menengah di W.P. Kuala Lumpur (WPKL) dan menggalakkan lagi pelajar-pelajar meneruskan kesinambungan pembelajaran Bahasa Arab di sekolah menengah harian kerana jumlah KAA di WPKL amat berkurangan bagi menampung pelajar-pelajar yang tidak layak untuk melanjutkan pembelajaran di asrama agama terpilih selepas tamat PT3.

47. PR-1422-L05718
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah status terkini rundingan serta pendirian Malaysia ke atas Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).
48. PR-1422-L04642
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) Kementerian Pendidikan berjaya dalam menghasilkan pemimpin universiti awam dan bagaimana AKEPT melihat strategi masa depan pendidikan tinggi negara.
49. PR-1422-L05441
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) apakah perancangan dan penyelesaian Kementerian bagi menyelesaikan masalah kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang lengkap, di mana mereka tidak dapat diterima masuk ke sekolah rendah untuk meneruskan sesi pembelajaran terutamanya di kawasan luar bandar; dan
 - (b) nyatakan langkah-langkah dan strategi Kementerian dalam meningkatkan kualiti dan mutu pembelajaran sekolah-sekolah di kawasan luar bandar yang serba kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur dan keadaan sekolah yang sering dilanda bencana banjir serta jumlah peruntukan tahunan yang dikhaskan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tahunan dan menaik tarafkan kemudahan infrastruktur terutamanya bagi sekolah di kawasan pedalaman.
50. PR-1422-L05585
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan asrama SMK Pinggan-Pinggan Pitas dapat dimulakan memandangkan kemudahan ini amat dinantikan oleh para ibu bapa dan pelajar yang tinggal jauh dari kawasan sekolah.
51. PR-1422-L04656
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk memindahkan SK Long Busang ke tempat yang lebih tinggi akibat sekolah tersebut selalu dilanda bencana banjir.

52. PR-1422-L05131
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan pencegahan berita palsu yang tular di media sosial selain daripada tindakan undang-undang yang diambil oleh orang difitnah.
53. PR-1422-L05147
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam membantu pesawah padi khususnya dari segi pemberian baja subsidi dan racun makhluk perosak bagi memastikan pengeluaran padi yang berkualiti dan hasil padi yang tinggi serta apakah langkah Kementerian bagi menyekat aktiviti sindiket penjualan baja subsidi dan racun makhluk perosak.
54. PR-1422-L04732
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada Lynas untuk terus beroperasi seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri dan bilakah lesen tersebut akan dikeluarkan.
55. PR-1422-L05631
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
(a) berapa jumlah peminjam PTPTN hingga Mac 2019 yang langsung tidak membayar pinjaman mereka; dan
(b) apakah Kementerian berhasrat untuk mendapatkan balik pembayaran dengan memotong gaji mereka yang mendapat pendapatan lebih dari RM4 ribu sebulan terus dari majikan.
56. PR-1422-L05432
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah individu yang sedang ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) pada hari ini dan bilakah Kerajaan akan bertindak memansuhkan akta ini sebagaimana yang dijanjikan di dalam manifesto Pakatan Harapan.

57. PR-1422-L05192
Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah faktor yang memberi kesan terhadap kestabilan kos barangan asas berikutan wujud dakwaan berlakunya monopoli bekalan dan pengeluaran barangan oleh orang tengah.
58. PR-1422-L04859
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan tentang kenaikan kadar tarif elektrik secara mendadak, yang menyebabkan bil elektrik pengguna melambung tinggi khususnya menjelang perayaan Aidilfitri.
59. PR-1422-L04515
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelajar-pelajar yang tamat pendidikan STPM dan memperolehi keputusan yang baik, apabila mereka memohon untuk ke jurusan dalam Bahasa Inggeris di universiti tempatan didapati permohonan mereka ditolak. Apakah kelayakan sebenar untuk jurusan tersebut dan mohon penjelasan yang terperinci.
60. PR-1422-L04965
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah sistem pendidikan negara peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi menyediakan bakal-bakal graduan untuk menghadapi pekerjaan masa hadapan lebih-lebih lagi dengan Revolusi Industri ke-4 yang telah dan akan terus mengubah landskap pasaran kerja.
61. PR-1422-L04447
Dato' Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai statistik penyeludupan dadah melalui sempadan Sarawak-Kalimantan dari tahun 2015-2018. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasinya.
62. PR-1422-L05535
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan anggota RELA di seluruh negara.

63. PR-1422-L04595
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha baharu untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu serta Bahasa Inggeris di kalangan murid yang mendapatkan perkhidmatan pendidikan di Sekolah Kerajaan, Sekolah Bantuan Kerajaan dan Sekolah Swasta.
64. PR-1422-L04407
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat memberhentikan atau merubah kursus matrikulasi yang dikendalikan Kementerian sekarang.
65. PR-1422-L05436
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan peranan yang dimainkan oleh Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan industri pertahanan tempatan, dan setakat mana Kerajaan berminat untuk beralih kepada produk tempatan sekiranya ada firma tempatan yang didapati mampu mengeluarkan sesuatu produk secara "*home grown*".
66. PR-1422-L05263
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan kes rusuhan yang berlaku di kuil Sri Maha Mariamman bagi jenayah-jenayah lain dalam Kanun Keseksaan yang tidak membabitkan kematian Allahyarham Muhammad Adib seperti jenayah khianat dengan api, merusuh, melakukan khianat dan pencerobohan jenayah.
67. PR-1422-L04589
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan jangka panjang bagi mengatasi kes penculikan kanak-kanak, remaja dan warga emas yang semakin membimbangkan serta keberkesanan aplikasi National Urgent Response Alert (NUR Alert) bagi mengekang gejala tersebut.
68. PR-1422-L05461
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini kajian yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa khas pengumpulan maklum balas berhubung dengan pengiktirafan UEC oleh Kerajaan.

69. PR-1422-L05139
Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah cadangan untuk menaik taraf Pusat Kastam, Immigresen dan Kuarantin (CIQ) di daerah Pensiangan dan Pagalungan dengan sempadan Kalimantan Indonesia.
70. PR-1422-L05416
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peratusan peminjam PTPTN yang menganggur lebih daripada setahun setelah tamat belajar.
71. PR-1422-L04878
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sebab dan alasan membenarkan Lynas Corporation terus beroperasi dan memperbaharui lesennya di Malaysia dan apakah keputusan terkini Kementerian hasil perbincangan dengan pihak Lynas Corporation berhubung sisa bahan radioaktif yang dibuang di Malaysia.
72. PR-1422-L04461
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan program matrikulasi Kementerian di IPTA, bilangan penyertaan setiap kaum dan usaha untuk menyamaratakan penyertaan antara kaum.
73. PR-1422-L05130
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada anak kelahiran warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke bawah dibenarkan untuk memegang dwi-kewarganegaraan seperti yang dinasihati oleh Kedutaan Malaysia di luar negara dan apakah proses permohonan untuk memperolehi kewarganegaraan Malaysia sekiranya mereka mempunyai kewarganegaraan negara bapa.
74. PR-1422-L05564
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan peranan yang dimainkan oleh FAMA, senaraikan bantuan dan skim yang dibekalkan oleh FAMA. Nyatakan semua aktiviti dan bantuan yang telah dilakukan oleh FAMA Sibü sejak 2015 mengikut tahun.
75. PR-1422-L05601
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan proses dan prosedur untuk mendapatkan lesen bagi mengeksport durian ke China.

76. PR-1422-L05029
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peminjam PTPTN daripada golongan isi rumah B40 dan M40 yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kepujian kelas pertama yang mendapatkan pengecualian bayaran balik dan jumlah peminjam warga emas PTPTN yang berpendapatan RM2,000 hingga RM4,000 sebulan dan konsisten membayar balik dalam tempoh tiga tahun sebelum umur 60 tahun.
77. PR-1422-L05450
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) apakah statistik terkini jumlah pelajar yang gagal melengkapkan persekolahan dari Tahun Satu sehingga tamat Tingkatan Lima; dan
 - (b) apakah usaha Kementerian memastikan semua murid-murid dapat melengkapkan persekolahan sebelum meminda Akta Pendidikan untuk mewajibkan perkara tersebut.
78. PR-1422-L05645
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-
- (a) bilangan aduan yang diterima daripada orang ramai berkaitan kenaikan harga barang keperluan asas pada musim perayaan baru-baru ini; dan
 - (b) tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi menangani aduan tersebut.
79. PR-1422-L04890
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sebab – sebab kesilapan teknikal berasaskan kenaikan mendadak bayaran bil TNB, adakah berpunca daripada meter digital dan bagaimanakah jalan penyelesaiannya.
80. PR-1422-L05465
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah graduan dalam bidang kemahiran tinggi yang masih menganggur dan apakah usaha yang diambil untuk memanfaatkan kemahiran mereka daripada terus terbiar.

81. PR-1422-L04549
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah yang diambil Kementerian bagi mengawal bekalan dan harga beras selepas konsesi beras bersama BERNAS tamat pada tahun 2021 dan adakah mekanisma baru yang bakal dilaksanakan akan mengambil kira kelestarian pengilang dan pemborong beras Bumiputera.
82. PR-1422-L04395
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan terperinci dasar program pengangkutan bahan api ke sekolah-sekolah pedalaman di Sarawak serta jumlah peruntukan kewangan yang terlibat dalam tahun 2019 serta purata kos pengangkutan setiap liter bahan api.
83. PR-1422-L05013
Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah proaktif Kementerian bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan murid dan masyarakat hari ini.
84. PR-1422-L04982
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah untuk merehabilitasikan “*soft supporter*” gerakan pengganas yang kini ditahan di bawah SOSMA, POCA atau POTA dan adakah Kerajaan akan menguar-uarkan bahawa memuat turun bendera atau gambar DAESH boleh menyebabkan seseorang itu ditahan oleh polis.
85. PR-1422-L04748
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan rancangan untuk mengukuhkan rangkaian bekalan makanan utama dan jumlah nilai tahunan yang diimport untuk 10 tahun yang lalu.
86. PR-1422-L04704
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan tindakan dan mekanisme pelaksanaan untuk menaik taraf dan memperkasa penglibatan 30% wanita dalam semua peringkat dasar negara terutamanya dalam bidang politik.

87. PR-1422-L04486
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan bagi menyelesaikan masalah tiada kewarganegaraan setakat ini. Apakah kekangan-kekangan yang dihadapi dalam pemberian kewarganegaraan kepada mereka.
88. PR-1422-L05204
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini berapakah jumlah persatuan baik di peringkat nasional, negeri dan daerah yang telah didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan oleh petani burung layang-layang dan/atau peniaga sarang burung dengan tujuan untuk mengeluarkan, promosi dan menjalankan penjualan dan perniagaan ke atas sarang burung yang sudah diproses dan belum proses dengan memberikan nama setiap persatuan.
89. PR-1422-L04940
Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah status pelaksanaan kempen pengguna bijak yang pernah suatu ketika dahulu dipromosikan oleh Kementerian dan apakah mekanisme baharu bagi melahirkan pengguna yang bijak dan tahu akan hak-hak mereka terutamanya dengan peredaran arus "*Global Internet of Things (IoT)*" dan pembelian atas talian bagi mengelakkan mereka ditipu dan dianiaya.
90. PR-1422-L04582
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status cadangan membina baru SK Sebemban, Betong yang telah dicadangkan sebelum ini kerana keadaan sekolah yang amat daif, dan bilakah ia akan dilaksanakan.
91. PR-1422-L04875
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memperkukuhkan penggunaan Bahasa Melayu yang lebih mantap di kalangan anggota pentadbiran dan rakyat.
92. PR-1422-L05217
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan inisiatif terkini dalam usaha membantu meningkatkan peluang pekerjaan kepada bekas penagih dadah yang telah selesai menjalani hukuman mereka.

93. PR-1422-L04546
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian bercadang akan memberikan diskaun tambahan bil elektrik daripada 10 peratus pada ketika ini kepada jumlah diskaun yang lebih tinggi kepada rumah ibadat sekolah kebangsaan dan universiti awam.
94. PR-1422-L04613
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan status terkini program padi variety PadiU Putra yang diusahakan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM).
95. PR-1422-L04811
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah sekolah daif di kawasan Parlimen P.207 Igan. Nyatakan sekolah berkenaan dan bila akan dibina baru serta kos yang terlibat.
96. PR-1422-L04912
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan semula Dasar PPSMI yang sudah pun dimansuhkan oleh Kerajaan terdahulu.
97. PR-1422-L04929
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tahap capaian dan penggunaan 4G di seluruh Malaysia pada masa kini.
98. PR-1422-L05444
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa kampus Kolej Matrikulasi Labuan begitu ketara sekali tidak terselenggara selama ini dan apakah langkah-langkah yang sudah dirancang untuk RMK-12 ini.
99. PR-1422-L04809
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
(a) apakah sebab serta punca utama berlakunya kekurangan benih padi seperti yang dialami oleh petani di kawasan Perak Tengah dan kawasan utara Semenanjung; dan

- (b) apakah tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini pada masa hadapan.

100. PR-1422-L05185

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pembaharuan sistem penjara seperti yang dinyatakan oleh YB Menteri pada 22 April 2019, terutamanya berikutan pengumuman sasaran Jabatan Penjara untuk menyerap sebanyak 75% banduan tidak ganas ke dalam perkhidmatan komuniti korektif menjelang 2030.

101. PR-1422-L04808

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan transformasi penjara melalui pemasangan litar tertutup CCTV ke seluruh penjara bagi memantau aktiviti banduan di penjara; dan
- (b) apakah terdapat sebarang usaha oleh pihak Kementerian untuk memperbaiki kemudahan dan keperluan banduan di penjara seperti bekalan air, kebersihan tandas dan permakanan yang sihat.

102. PR-1422-L04911

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini dasar pengambilan pelajar bagi Program Matrikulasi KPM dan jumlah tempat yang ditawarkan mengikut kaum dan jurusan bagi tahun 2019.

103. PR-1422-L04396

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan menjelaskan projek kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Sarawak untuk mengusahakan pertanian berskala besar di Sarawak.

104. PR-1422-L04823

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan berkaitan isu matrikulasi yang menjadi perdebatan baru-baru ini, adakah kuota sedia ada akan dikekalkan atau akan dikaji semula bagi memenuhi tuntutan sesetengah pihak.

105. PR-1422-L05599
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kuantiti terkini sisa toksik radioaktif "*Water Leach Purification*" (WLP) dan '*Neutralization Underflow Residue*' (NUF) yang terkumpul di tapak kilang Lynas.
106. PR-1422-L05183
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah yang bakal diambil oleh Kerajaan untuk memastikan setiap perjanjian perdagangan dibahaskan di dalam Dewan Rakyat sebelum kelulusan bukan sekadar menerusi persetujuan kabinet.
107. PR-1422-L05207
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan menyatakan warga-warga China, India, Jepun dan Amerika Syarikat tersabit kesalahan dan diambil tindakan undang-undang mengikut pecahan tahun dan jenis kesalahan dari tahun 2010 hingga 2019.
108. PR-1422-L05016
Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan hasil rundingan Kementerian dengan Kerajaan Australia berkaitan sisa buangan radioaktif dari kilang Lynas di Kuantan sekaligus memastikan pengoperasian kilang Lynas ini dapat diteruskan.
109. PR-1422-L05206
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan setiap tahun Institut Kajian China, Universiti Malaya, dari 2004 hingga 2019. Apakah pencapaian dan fungsinya dalam membantu membentuk dasar luar negara terhadap China.
110. PR-1422-L04456
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan untuk menambah bilangan universiti awam dan menaik taraf universiti sedia ada bagi meningkatkan pengambilan pelajar-pelajar selaras dengan hasrat pelan pendidikan tinggi untuk melahirkan lebih ramai graduan.

111. PR-1422-L05110
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan dasar dan polisi Kementerian berkaitan kemasukan dan lambakan barangan terpakai negara-negara luar yang dieksport masuk ke Malaysia yang bukan sahaja menjejaskan alam sekitar bahkan menjejaskan ekonomi khususnya yang melibatkan hasil pembuatan barangan tempatan.
112. PR-1422-L05606
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada terdapat perancangan untuk memperkenalkan pengajian alam sekitar sebagai satu subjek khusus di sekolah. Jika ya, bila ia akan dilaksanakan.
113. PR-1422-L04569
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan jumlah lebihan penghuni di penjara ketika ini terutama di Selangor dan Kuala Lumpur.
114. PR-1422-L04930
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah jumlah kes tipu atas talian yang dilaporkan dari Januari hingga Jun 2019 dan apakah tindakan Kementerian dalam menangani isu jenayah siber.
115. PR-1422-L05243
Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan situasi pengaksesan pendidikan kepada kanak-kanak tiada dokumen di Sarawak khasnya Parlimen Saratok. Sejauh manakah usaha Kementerian bagi mengalakkan dan membantu mereka untuk berdaftar bersekolah.
116. PR-1422-L05004
Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status laporan berhubung dengan pembelian enam helikopter bernilai lebih RM300 juta pada 2015 yang masih belum diterima oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sehingga kini.
117. PR-1422-L05693
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara spesifiknya tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap Haziq Abdul Aziz berkenaan pengakuan beliau di dalam satu rakaman video tular terhadap satu kemungkinan kelakuan jenayah di bawah Kanun Keseksaan.

118. PR-1422-L04579
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan jenayah pengedaran dadah diluar bandar dapat dibendung dan nyatakan jumlah kes tangkapan bagi Bahagian Betong Sarawak bagi tahun 2018 hingga sekarang.
119. PR-1422-L05419
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membendung kegiatan penyeludupan masuk sisa plastik tercemar ke negara ini. Adakah apa-apa bahan sisa plastik tercemar ini telah dihantar balik ke negara asal dan tindakan mahkamah telah diambil terhadap mana-mana individu dan/atau syarikat pengimportan ini.
120. PR-1422-L05653
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) perkembangan cadangan bagi memecahkan monopoli BERNAS dalam industri padi dan beras; dan
 - (b) jangkaan manfaat ekonomi yang akan diterima oleh petani dan pengusaha industri tempatan serta kumpulan pengguna di Malaysia.
121. PR-1422-L04528
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kumpulan sokongan dan kumpulan Orang Asli disamaratakan dengan kumpulan "*regular*" dalam perkhidmatan polis.
122. PR-1422-L05541
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan setakat ini bagi meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan.
123. PR-1422-L04572
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pelancong asing dari China yang mempunyai visa pelawat tetapi tidak dibenarkan masuk apabila tiba Malaysia untuk tahun 2015-2018, dan apakah sebab-sebab mereka tidak dibenarkan masuk walaupun visa sudah diluluskan.

124. PR-1422-L04792
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cadangan Kementerian menaik taraf Sekolah Kebangsaan Methodist, Sungai Siput kerana telah usang dan kepadatan pelajar yang tinggi.
125. PR-1422-L05072
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah graduan perguruan yang telah mendapat tempat untuk berkhidmat dan adakah keutamaan diberikan kepada kepada anak negeri untuk berkhidmat di negeri asal masing-masing bagi mengurangkan risiko tekanan akibat berjauhan dari keluarga.
126. PR-1422-L05537
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam usaha menangani masalah mahasiswa terpaksa '*ikat perut*' kerana masalah kewangan.
127. PR-1422-L04721
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha-usaha Kementerian bagi tangani penyebaran meluas berita-berita palsu, sensitif dan kebencian yang boleh mengganggu gugat keharmonian masyarakat berbilang kaum dan kestabilan negara.
128. PR-1422-L04696
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang ditahan di negara asing kerana terlibat dengan aktiviti keganasan dan adakah wajar Kerajaan membenarkan mereka pulang semula ke negara ini tanpa mereka dikenakan hukuman berat di negara asing yang berkenaan.
129. PR-1422-L04725
Tuan Pang Hok Liang [Labis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk melancarkan program susu percuma untuk pelajar-pelajar sekolah rendah untuk meningkatkan kesihatan murid-murid dan anggaran jumlah kosnya setiap tahun.

130. PR-1422-L04882
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana usaha yang diambil oleh Kementerian bagi memberi ruang yang lebih luas kepada para pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat Universiti dan dasar menyeluruh yang diambil untuk meningkatkan mutu pendidikan dan menilai semula dasar sedia ada.
131. PR-1422-L05699
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci tindakan-tindakan yang telah diambil berkenaan dapatan oleh SUHAKAM dalam suatu inkuiri bahawa anggota polis Cawangan Khas (SB) adalah bertanggungjawab terhadap kehilangan paksa membabitkan pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat.
132. PR-1422-L04717
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
(a) tarikh Zakir Naik membuat permohonan untuk taraf kerakyatan Malaysia dan tarikh beliau diberikan taraf Penduduk Tetap (PR) Malaysia; dan
(b) tarikh Zakir Naik diberikan taraf kewarganegaraan Malaysia.
133. PR-1422-L05257
Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status penyaluran dan pelaksanaan terkini peruntukan RM1 bilion untuk kegunaan sekolah-sekolah daif di seluruh Sarawak.
134. PR-1422-L04776
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan inisiatif yang diambil bagi menangani masalah kehadiran obor-obor jenis "*box jellyfish*" di perairan Langkawi dan kini memasuki perairan Pulau Pinang. Agensi mana yang menjadi pemantau terhadap penghijrahan hidupan berkaitan yang dipercayai dari negara jiran itu.

135. PR-1422-L05638
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menaik taraf jalan kampung menuju ke Sekolah Menengah Kebangsaan Libaran memandangkan keadaan jalan adalah kurang baik dan membina bangunan asrama bagi keselesaan pelajar-pelajar memandangkan pelajar-pelajar tersebut ada yang duduk 10–20km jauh dari sekolah.
136. PR-1422-L05732
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis bantuan serta usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian dalam mempelbagaikan kegiatan pertanian, usahawan tani dan eko pelancongan desa bagi menarik minat orang muda serta golongan belia untuk kekal menetap di luar bandar atau membiarkan mereka terus berada dalam kemiskinan tanpa berbuat apa-apa.
137. PR-1422-L04389
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah '*Point of Sales*' di kawasan Baram serta jumlah peruntukan kewangan yang terlibat untuk pengangkutan barangan dalam program penyelarasan harga barangan di dalam tahun 2019.
138. PR-1422-L05761
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan pangkalan Tentera di Lok Kawi, Kota Kinabalu ke Pantai Timur Sabah.
139. PR-1422-L05287
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam usaha membawa teknologi pertanian ke kawasan luar bandar selain hanya membekalkan benih tanaman dan baja sahaja.
140. PR-1422-L05317
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menambah baik mekanisme tuntutan nafkah serta apakah Kerajaan akan menetapkan dasar bagi pembayaran nafkah kepada bekas isteri dan anak melalui potongan KWSP atau gaji oleh majikan tanpa Perintah Mahkamah.

141. PR-1422-L04600
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pandangan Kerajaan Malaysia berhubung dengan projek raksasa China Belt and Road. Apakah Kerajaan Malaysia akan mengambil bahagian dan menyertai projek ini.
142. PR-1422-L05288
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan RELA terus relevan dan apakah inisiatif Kerajaan dalam membantu RELA agar dapat terus berkhidmat kepada masyarakat setempat.
143. PR-1422-L05697
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara spesifiknya sekiranya Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan dan sekiranya ya, bilakah ia akan dimansuhkan.
144. PR-1422-L05093
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status serta bentuk penyusunan dan penstrukturan semula Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) bagi mempertingkatkan lagi keselamatan di pantai timur negeri Sabah termasuk dari ancaman Kumpulan Abu Sayyaf yang dipercayai berpangkalan di Jolo, Sulu di Filipina.
145. PR-1422-L04970
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah keterlibatan usahawan tempatan termasuklah Bumiputera dan luar bandar dalam *Digital Free Trade Zone* (DFTZ). Sejauh manakah peluang perniagaan dan pekerjaan telah diwujudkan sejak inisiatif ini dilancarkan pada 3 November 2017.
146. PR-1422-L05091
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kedudukan terkini jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke Malaysia dan keyakinan pelabur terhadap dasar-dasar baharu yang dibuat oleh Kerajaan serta prestasi terkini pasaran saham Malaysia .

147. PR-1422-L04904

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam berhadapan desakan Kerajaan India bagi mengekstradisi pendakwah Dr. Zakir Naik.

148. PR-1422-L04963

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesudian Kerajaan untuk mengikut penghakiman Mahkamah Rayuan di Perak baru-baru ini. Mahkamah berkenaan memutuskan untuk membenarkan anak-anak luar nikah disahkan melalui perkahwinan ibu bapa mereka selepas mereka lahir. Adakah penghakiman ini akan dimasukkan ke "*standard operating procedure*" Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-Undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019.

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2019.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R 16/2019) | Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2019 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani] | |
| 2. | (D.R 17/2019) | Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2019 | " |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna] | |
| 3. | (D.R.14/2019) | Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R. 9/2019) | Rang Undang-Undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2019 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |

5. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah Seksyen 10, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan bahawa draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sabah) 2019, (Kertas Statut ST.112 Tahun 2019), yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 8 Julai 2019 bersama dengan laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 14 Februari 2017 mengenai Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri Sabah Kali Keenam Tahun 2017, (Kertas Statut ST.111 Tahun 2019), dan yang akan dibuat di bawah Seksyen 12, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan."

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM22,000 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

7. PR-1422-U(27)050

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil daripada cadangan-cadangan penstrukturan semula dan pelan pemulihan terhadap syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Berhad (MAB). Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam usaha memulihkan semula masa depan MAB. "

[Perdana Menteri]

8. PR-1422-U(27)051

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada 18 nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

9. PR-1422-U(27)052

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia dengan mewujudkan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif sekaligus membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

[Perdana Menteri]

10. PR-1422-U(27)053

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto PH iaitu Membela Nasib Orang Asli di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengenenpikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

[Perdana Menteri]

11. PR-1422-U(27)054

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja."

"Dalam semangat Malaysia Baharu selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk perasaan keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati. "

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

[Perdana Menteri]

12. PR-1422-U(27)055

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti SiTerra Malaysia Sdn. Bhd., ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat kerana SiTerra Malaysia Sdn. Bhd. adalah milik Khazanah Nasional. Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

13. PR-1422-U(27)056

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examination Certificate–UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM."

"Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM."

"Mantan Menteri Pelajaran iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013."

“Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai pra-syarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berbolak-dalik.”

“Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke “*Youtube*”, di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai “hitam putih” untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan.”

[Menteri Pendidikan]

14. PR-1422-U(27)057

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan."

"Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu."

"Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina."

"Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpanggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas."

[Menteri Pendidikan]

15. PR-1422-U(27)058

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara."

"Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baharu' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelut pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baharu' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

[Perdana Menteri]

16. PR-1422-U(27)059

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berpelembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar dalam kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya dalam kalangan anak-anak muda berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi Bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik-baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik-baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja-raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang institusi semasa negeri. Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak

atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja-raja. Maknanya ada lagi ciri-ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja-raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berpelembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang-ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berpelembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat. "

[Perdana Menteri]

17. PR-1422-U(27)060

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Laporan Rumusan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi LYNAS yang telah dikeluarkan pada 8 Disember 2018 yang lalu. Pembentangan ini amat penting supaya rakyat memahami dengan jelas apakah yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa tersebut untuk tindakan seterusnya. Laporan ini juga sekaligus akan meleraikan setiap kenyataan-kenyataan anggota pentadbiran Kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan yang bercanggah dan mengelirukan. Laporan rumusan ini juga akan menjadi rujukan utama untuk platform analisis bagi semakan sama ada tindakan Kementerian berhubung operasi LYNAS selari dengan kandungan rumusan laporan tersebut."

[Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

18. PR-1422-U(27)061

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menyatakan pendirian terhadap desakan antarabangsa yang berterusan kepada Malaysia untuk menandatangani dan meratifikasi semua perjanjian antarabangsa mengenai hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kerajaan tanpa campur tangan kuasa asing perlu mempunyai pendirian yang jelas dan tidak bercelaru kerana setiap negara mempunyai hak sama ada untuk turut serta atau sebaliknya dalam setiap perjanjian antarabangsa kerana tidak kira kuasa besar atau kecil, keutamaan negara individu adalah berbeza diantara satu sama lain. Menjadi prinsip kebanyakan negara

terutamanya kuasa besar dunia akan hanya mengesahkan perjanjian antarabangsa jika ia tidak menongkah arus kehendak Perlembagaan sesuatu negara iaitu kepentingan rakyat dan negara mereka diutamakan. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan harus dijadikan rujukan utama buat Malaysia dalam membuat apa-apa keputusan. Seperti mana keenganan negara-negara kuasa besar dunia mengesahkan perjanjian-perjanjian hak asasi ini perlu dijadikan perhatian oleh Kerajaan Malaysia kerana asas utama keenganan negara-negara besar ini ialah mereka amat kkuatir konvensyen tersebut akan menghakis kedaulatan negara mereka. Pendirian berkenaan perjanjian antarabangsa memerlukan kefahaman tentang pemakian undang-undang antarabangsa dalam sistem perundangan Malaysia. Pemahaman terhadap teori penerimaan dan pemakaian undang-undang antarabangsa dalam suatu negara iaitu Doktrin Diperbadankan (*Doctrine of Incorporation*) dan Doktrin Transformasi (*Doctrine of Transformation*) perlu jelas dan difahami secara mendalam terlebih dahulu. Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberikan kesan bahawa kuasa untuk membuat atau menandatangani dan meratifikasi triti atau perjanjian di peringkat antarabangsa adalah terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Ia juga menunjukkan bahawa Badan Eksekutif mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian antarabangsa atau menandatangani apa-apa perjanjian antarabangsa, manakala kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang antarabangsa tersebut adalah terletak hak kepada Parlimen. Prinsip yang harus Kerajaan nyatakan dengan jelas adalah kedaulatan negara dan kepentingan rakyat masing-masing mesti didahulukan walaupun negara terbabit akan dituduh sebagai tidak menghormati suara majoriti masyarakat antarabangsa."

[Menteri Luar Negeri]

19. PR-1422-U(27)062

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar yang jelas serta dan polisi yang lengkap berkenaan menetapkan harga lantai bagi sektor komoditi di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai mekanisme yang kukuh dalam menstabilkan harga sektor komoditi di negara ini yang merangkumi industri sawit, industri getah, industri koko, industri lada dan industri tembakau. Dengan melaksanakan penetapan harga subsidi atau harga lantai bagi setiap industri komoditi ini akan memastikan nasib peneroka dan pekebun kecil terbela melalui jaminan harga industri yang jelas dan kukuh pada setiap masa. Kerajaan harus menggunakan semua platform seperti agensi Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara serta agensi-agensi antarabangsa yang memainkan peranan besar dalam menyelaras sektor komoditi. Kerajaan juga perlu menyediakan pelan-pelan sokongan dan bantuan bagi jangka masa panjang bagi memastikan mereka yang terlibat terutamanya peneroka dan pekebun kecil tidak terjejas dan tidak terlalu bergantung kepada harga pasaran dunia."

[Menteri Industri Utama]

20. PR-1422-U(27)063

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model pendidikan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukkan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi akaun akan dilihat semakin serius jika perancangan ini tidak dilakukan segera. Apabila model pendidikan daripada peringkat awal pembelajaran tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda, potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

[Menteri Pendidikan]

21. PR-1422-U(27)047

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan serta memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU-14."

[Perdana Menteri]

22. PR-1422-U(27)048

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

23. PR-1422-U(27)049

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) mengenai Pilihan Raya, supaya JPKP tersebut boleh menyiasat aduan mengenai salah laku-salah laku bekas ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam pilihan raya umum yang lepas; dan Parlimen mempunyai sebuah platform bebas tersendiri untuk memantau dan menerima laporan daripada SPR secara berterusan."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 106	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Pelanjutan) 2019</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U.(A) 95/2019 yang diwartakan pada 29 Mac 2019 	9 Julai 2019
ST. 107	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Pembatalan) (No.2) 2019</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U.(A) 128/2019 yang diwartakan pada 8 Mei 2019 	9 Julai 2019
ST. 108	<p>Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 Dan Akta Kastam 1967 Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) 2019</p> <ul style="list-style-type: none"> • P.U.(A) 127/2019 yang diwartakan pada 8 Mei 2019 	9 Julai 2019
ST. 110	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia (MIA) Bagi Tahun 2018	9 Julai 2019

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 09.07.2019 (Selasa)	1. YB Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)	1. Keperluan Segera Untuk Mewujudkan Universiti Penuh Di Sandakan	1. YB Menteri Pendidikan
2. 09.07.2019 (Selasa)	2. YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	2. Pingat Jasa Malaysia	2. YB Menteri Pertahanan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**